

27/04/1998

Plus tidak cadang tambah kawasan rehat

PROJEK Lebuhraya Utara Selatan Bhd (Plus), pemegang konsesi Lebuhraya Utara Selatan, tidak bercadang menambah kawasan rehat dan perkhidmatan di sepanjang lebuhraya 848km itu, tetapi sebaliknya akan mengoptimumkan kemudahan sedia ada.

Pengarah urusannya Ikmal Hijaz Hashim berkata syarikat itu akan menaikkan taraf kemudahan yang ada dan mengkaji kemungkinan menaikkan taraf semua hentian sebelah.

"Hentian sebelah sekarang hanya mempunyai kemudahan awam, kami mungkin meningkatkan kemudahan ini seperti mengadakan lebih banyak ruang untuk makan," katanya selepas pelancaran restoran jejambat Plus di KM458.4 lebuhraya itu berhampiran simpang susur keluar ke Sungai Buloh dekat Kuala Lumpur, kelmarin.

Projek restoran jejambat berharga RM26 juta itu, yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah sebuah lagi tempat komersil berorientasikan pelancongan merangkumi restoran, gerai dan kemudahan awam lain, yang diperkenalkan Plus kepada pengguna lebuhraya.

Kawasan rehat di sepanjang lebuhraya utara-selatan terletak pada jarak kira-kira 60 kilometer antara satu sama lain. Di kawasan berkenaan ada gerai makanan, bilik mandi, telefon awam, stesen minyak, wakaf, kawasan meletak kereta dan padang permainan kanak-kanak. Ada di antaranya menyediakan restoran dan motel.

(END)